

MAHATHIR - HADI (ULANGAN DENGAN PEMBETULAN)

SEREMBAN, 15 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS TIMBALAN YANG DIPERTUA PAS HAJI ABDUL HADI AWANG BERKAITAN DENGAN KENYATAANNYA SEMALAM BAHAWA PENGUNDI AKAN DITIMPA KECELAKAAN SEKIRANYA MEMILIH WAKIL RAKYAT YANG MENYOKONG PERKARA YANG DIHARAMKAN OLEH ISLAM.

SAMBIL MEMULANGKAN +PAKU BUAH KERAS+ KEPADA HAJI HADI, PERDANA MENTERI BERKATA: +SAYA NAK TANYA DIA, DIA (PAS) BEKERJASAMA DENGAN DAP BERDOSA TAK? KITA UMNO, ORANG ISLAM NAK BEKERJASAMA DENGAN DIA, DIA TAK NAK.

+TETAPI MEREKA SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN (SETIAUSAHA AGUNG DAP LIM) KIT SIANG DAN GOLONGAN EKSTREMIS PENDIDIKAN CINA, YANG SEMUANYA KAWAN DIA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN CALON-CALON DAN PEKERJA BARISAN NASIONAL DI DEWAN MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN (MPS) DI SINI.

MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHD ISA HAJI ABDUL SAMAD PULA BERKATA PAS KINI SEDANG GELISAH BEHINGGA HAJI HADI TERPAKSA MEMBUAT +FATWA BARU+ UNTUK MENYELAMATKAN DIRINYA SETELAH MEMBUAT KESILAPAN BEKERJASAMA DENGAN SEMANGAT 46 DAN DAP.

+JADI (HAJI) HADI TERPAKSA BUAT SESUATU SEPERTI YANG DILAKUKAN TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA. DULU SIAPA UNDI UMNO ADALAH KAFIR. SEKARANG SIAPA UNDI KERAJAAN AKAN CELAKA,+ KATANYA. -- LAGI.  
1658MST 15 10 90

D797

R B228 BAH  
MAHATHIR - HADI 2 SEREMBAN

DATUK HAJI MOHD ISA BERKATA BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG KEBENARAN DALAM KENYATAAN HAJI HADI ITU.

SEMASA BERUCAP SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BN MENYANGKAL DAKWAAN PAS KONONNYA IA TIDAK BEKERJASAMA DENGAN DAP, DAN BERKATA +SEBENARNYA MEREKA TIDAK BEKERJASAMA DALAM KEADAAN CERAH TETAPI BEKERJASAMA DALAM GELAP+.

SAMBIL MEMBERI CONTOH PERTANDINGAN BAGI KERUSI PARLIMEN ALOR SETAR, BELIAU BERKATA, PAS TIDAK LAGI MELETAKKAN CALONNYA DI SITU BAGI MEMBOLEHKAN DAP MENDAPAT UNDI PENYOKONG PAS UNTUK MENEWASKAN CALON BN DARI MCA.

PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, PAS DAN DAP MASING-MASING MENDAPAT KIRA-KIRA 9,000 UNDI MANAKALA CALON MCA MENDAPAT 16,000, KATANYA DAN MENAMBAH KINI DAP DIHARAPKAN MENDAPAT UNDI PAS ITU UNTUK MENANG.

KATANYA, KERJASAMA ITU JUGA KETARA DI KAWASAN NEGERI PADANG GARONG DI KELANTAN APABILA DAP SENGAJA MELETAKKAN CALONNYA BAGI MEMASTIKAN UNDI CINA TIDAK PERGI KEPADA CALON MCA BAGI MEMBOLEHKAN CALON BERJASA DI SITU MENANG.

-- LAGI.

1723MST 15 10 90

D767

U B242 BAH  
MAHATHIR - HADI 3 SEREMBAN

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA PAS SEBENARNYA SUDAH MENYERAH KALAH DI 61 KAWASAN YANG MEREKA TANDINGI PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, SEHINGGA SANGGUP MENYERAHKAN KERUSI TERSEBUT KEPADA SEMANGAT 46.

KATANYA, SEMANGAT 46 PANDAI MEMUJUK PAS SEHINGGA PAS YANG DAHULUNYA BERTANDING DI 93 KERUSI KINI HANYA BERTANDING DI 32 KERUSI SAHAJA.

+INI BERMAKNA PAS HANYA PERCAYA MEREKA BOLEH KUASAI 32 KAWASAN SEDANG HARAKAH (LIDAH RASMI PAS) KATA KAWASAN PENGUNDI MELAYU SUDAH BERTAMBAH SEHINGGA 96 KAWASAN. IA BERMAKNA PAS TAHU AKAN KALAH DI 61 KAWASAN,+ TAMBAHNYA.

KATA BELIAU, PEMIMPIN PAS KINI BUKAN LAGI MEMPERJUANGKAN PRINSIP PARTI ITU TETAPI HANYA MAHU MENANG PILIHAN RAYA UNTUK MENJADI +AHLI YANG BERHORMAT+.

TAMBAHNYA, RAMAI PENYOKONG PEMBANGKANG TELAH KECEWA SEHINGGA ADA YANG MENYEBERANG MASUK DALAM UMNO MANAKALA ADA YANG MENUTUP BILIK GERAKAN MEREKA DAN TIDAK MAHU BEKERJA LAGI UNTUK PEMBANGKANG. --

D768

U B243 BAH  
MAHATHIR - HADI 4 SEREMBAN

MENGENAI PERSIAPAN BN NEGERI SEMBILAN UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BANGGA KERANA BEBERAPA ORANG YANG DIGUGURKAN DARIPADA MENJADI CALON BN SEPERTI NAIB PRESIDEN MIC DATUK K.PATHMANABAN TURUT BEKERJA KERAS MEMBANTU KEMPEN DI NEGERI INI.

KATANYA, DATUK PATHMANABAN YANG JUGA TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA BUKAN SAHAJA MEMBANTU CALON BN YANG KINI MENGGANTIKAN TEMPATNYA DI KAWASAN PARLIMEN TELUK KEMANG MALAH TURUT BERKEMPEN DI KUALA LUMPUR.

BELIAU JUGA YAKIN BAHAWA BN TIDAK AKAN MENGHADAPI MASALAH UNTUK MENANG DI BABAH DAN SARAWAK KERANA PARTI-PARTI KOMPONEN DI SITU TIDAK BERTANDING SESAMA SENDIRI.

DATUK K.PATHMANABAN TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGADAKAN PENJUMPAAN TERTUTUP DENGAN CALON-CALON BN NEGERI DI KEDIAMAN MENTERI BESAR DEKAT SINI. -- BERNAMA.

1619MST 15 10 90